

Misi pasca banjir, Pulau Pinang hantar Skwad Ihsan MADANI ke Kelantan

BOLETIN MUTIARA

Admin
December 17, 2024



GEORGE TOWN – Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (PSUKPP) menggerakkan Skwad Ihsan Madani ke Kelantan sebagai sokongan dan bantuan pasca bencana banjir.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Zulkifli Long berkata, pasukan yang terdiri daripada 32 penjawat awam, bertolak pada pagi ini dan akan melaksanakan kerja-kerja pembersihan bermula esok.

“ Pada hari ini, Skwad Ihsan MADANI Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan bertolak ke negeri Kelantan bagi membantu saudara-saudara kita yang terjejas akibat banjir di negeri tersebut.



“Seperti yang kita semua sedia maklum, banjir yang berlaku bukan sahaja menyebabkan kerosakan harta benda tetapi turut meragut ketenangan jiwa mangsa-mangsa yang terlibat.



SKWAD Ihsan MADANI Pulau Pinang bersama-sama Zulkifli Long (Studuk, amper dari kiri) dan Lim Siew Khim (Studuk, amper dari kanan) sebelum sesi 'flag off' pagi ini.

“Ada yang kehilangan tempat berteduh, sumber rezeki, dan ada yang terpisah daripada orang tersayang. Situasi ini amat meroyat hati dan memerlukan sokongan dan bantuan daripada semua pihak.

“Bantuan yang kita hulurkan ini bukan sekadar memberikan kelegaan sementara, tetapi juga sebagai suntikan harapan kepada mangsa-mangsa banjir untuk bangkit semula meneruskan kehidupan.

“ Ini adalah bukti nyata keprihatinan dan semangat persaudaraan kita dalam membantu mereka menghadapi dugaan selaras dengan nilai-nilai Ihsan MADANI yang kita pegang.

“Saya percaya bahawa bantuan yang diberikan ini bukan sahaja berbentuk keperluan fizikal, tetapi ia juga lambang solidariti dan harapan kepada mereka yang memerlukan,” ujarnya.

Terdahulu, Zulkifli bersama-sama Siew Khim menyempurnakan sesi pelepasan Skwad Ihsan MADANI Pulau Pinang di sini.

Difahamkan, para sukarelawan dijadualkan tiba di Kelantan pada petang ini dan akan bergerak ke lokasi pembersihan memabitkan bangunan kerajaan pada keesokan harinya sebelum bertolak pulang pada hari Khamis nanti.

Oleh : AINUL WARDAH SOHILLI
Gambar : LAW SUJUN TING

LIKE OUR FACEBOOK PAGE



OTHER NEWS



Ketua Menteri puji usaha TNB Pulau Pinang kitar semula minyak masak, pakaian terpakai

December 19, 2024



Fi penaja guna kenderaan bermotor dikurangkan – Ahli Majlis MSPP



PBT responsif terhadap keperluan rakyat, terajui pembangunan inklusif



Azam 2025 - JKNPP fokus reformasi sektor kesihatan negeri, tambah baik penyampaian



Kan Yeow harap projek LRA di bawah PAAB jamin bekalan air masa depan

OTHER NEWS



Ketua Menteri puji usaha TNB Pulau Pinang kitar semula minyak masak, pakaian terpakai

December 19, 2024



Fi penaja guna kenderaan bermotor dikurangkan – Ahli Majlis MSPP



PBT responsif terhadap keperluan rakyat, terajui pembangunan inklusif



Azam 2025 - JKNPP fokus reformasi sektor kesihatan negeri, tambah baik penyampaian



Kan Yeow harap projek LRA di bawah PAAB jamin bekalan air masa depan



Waspadakan ancaman denggi walaupun kes catat penurunan



Fi penaja guna kenderaan bermotor dikurangkan – Ahli Majlis MSPP



PBT responsif terhadap keperluan rakyat, terajui pembangunan inklusif



Azam 2025 - JKNPP fokus reformasi sektor kesihatan negeri, tambah baik penyampaian



Kan Yeow harap projek LRA di bawah PAAB jamin bekalan air masa depan



Waspadakan ancaman denggi walaupun kes catat penurunan